

Ruj.Kami : ANM.PK.P/P.600-1/1/2JLD.4(39)

Tarikh : 4 Mei 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TANPA PERUNTUKAN TAHUN 2021  
MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMS**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, sistem iGFMS telah membenarkan **pembayaran overbajet OS17000** bagi Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2021 untuk pembayaran melalui Arahan Pembayaran iGFMS, jenis dokumen Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (K2) kepada penerima bayaran yang tiada di dalam sistem HCM. Ini selaras dengan surat daripada Kementerian Kewangan mengenai Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri yang menyatakan peruntukan akan diselaraskan oleh Perbendaharaan bagi sebarang kekurangan/ ketiadaan peruntukan.

3. Sehubungan itu, **sekatan overbajet telah dibuka mulai 1 Mei 2021 sehingga 12 Mei 2021**. Sila pastikan penggunaan kod akaun adalah betul bagi pembayaran BKK ini dengan berpandukan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2021 – Peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2021. PTJ hendaklah memastikan pembayaran Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2021 ini disemak rapi agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. Sila nyatakan nombor rujukan buletin ini dan tarikh Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) di ruangan Perihal Bayaran semasa menyediakan Arahan Pembayaran (K2) iGFMS ini. Segala kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**

